

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN**

[TANJONG MANIS]

SOALAN (NO. 175)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jika terdapat perancangan daripada Kementerian untuk menyediakan lebih banyak kemudahan fasiliti sukan seperti padang bola sepak dan padang balapan (track and field) di luar bandar bagi membolehkan generasi muda berekreasi dan boleh menjadi tempat Kementerian mencungkil bakat baru untuk negara dalam pelbagai bidang sukan.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sememangnya mempunyai perancangan untuk menambah kemudahan dan fasiliti sukan yang berkualiti kepada rakyat khususnya di luar bandar secara berperingkat. Selain itu juga, KBS telah membina 7 Buah Gelanggang Futsal 1 Malaysia dan sebuah Gelanggang Futsal 1 Mukim di Tanjong Manis.

Sekian, terima kasih.